

# Kes tipu pakej umrah: Polis masih jalankan siasatan

UTUSAN MALAYSIA 28/12/2023 L/S:12

**PETALING JAYA:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih menjalankan siasatan berhubung kes penipuan membabitkan syarikat pengendali umrah, Emraz Travel & Tours Sdn. Bhd. yang didakwa menyebabkan kerugian jutaan ringgit terhadap ribuan mangsa.

Memberitahu *Utusan Malaysia*, Timbalan Pengarah (Siasatan) Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Rohaimi Md. Isa berkata, sebanyak 25 kertas siasatan dibuka pihak polis dan semua kes tersebut masih dalam tindakan lanjut.

Kata beliau, perbincangan dengan pihak pejabat Peguam Negara sudah dibuat dan mendapat arahan untuk mengambil beberapa tindakan lanjut.

“Kita sedang melengkapkan kertas siasatan sebelum dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya.

“Justeru, dakwaan yang menyatakan tiada tindakan daripada agensi penguat kuasa ke atas kes ini adalah tidak tepat, malah, Pengarah JSJK (Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf) juga mem-



**SETIAUSAHA** Agung Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia (MHO), Hishamuddin Hashim mewakili mangsa kes penipuan pakej umrah bercakap kepada pemberita di Kuala Lumpur, kelmarin. - UTUSAN/SYAKIR RADIN

buat kenyataan media berkenaan kes ini pada 29 November lalu,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

November lalu, Ramli dilaporkan berkata, pihaknya menerima sebanyak 399 laporan berhubung dakwaan kes penipuan pakej umrah oleh syarikat

Emraz Travel & Tours Sdn. Bhd. melibatkan kerugian bernilai RM14.2 juta sejak Januari lalu.

Beliau berkata, jumlah berkenaan direkodkan setakat 27 November itu melibatkan 1,614 jemaah umrah.

“Berdasarkan laporan yang diterima ini, 229 laporan diru-

juk ke Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta Tribunal Tuntutan Pengguna selain lima kes dirujuk ke majistret untuk tindakan sivil manakala selebihnya dalam tindakan pihak polis.

“Keterangan pengarah syarikat iaitu sepasang suami isteri

berusia lingkungan 40-an juga sudah diambil,” katanya.

Dalam pada itu, menurut Rohaimi, hasil siasatan yang dijalankan oleh pihak MOTAC di bawah Seksyen 8(1)(d) Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482) melalui 91 aduan diterima, syarikat itu dijatuhkan hukuman penggantungan lesen perniagaan umrah mulai 10 Julai 2023 sehingga 9 Januari 2024.

Malah, jelas beliau, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) turut mengambil tindakan menyenaraihitamkan syarikat dan kedua-dua pengarahnya di bawah Akta 614 Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

“Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) turut menjalankan siasatan dan mengambil tindakan terhadap 177 aduan melibatkan tuntutan sebanyak RM4.3 juta,” katanya.

*Utusan Malaysia* semalam melaporkan seramai 179 mangsa penipuan sebuah syarikat pengendali umrah mendesak pihak polis memaklumkan perkembangan terbaru berkenaan siasatan dikaitkan dengan syarikat ternama itu.